
A decorative graphic in the top-left corner consisting of several overlapping, rounded rectangular shapes in a light blue color.

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN

2011

A decorative graphic on the right side of the page, featuring a vertical blue line and several overlapping, rounded rectangular shapes in light blue and red at the bottom.

ISI KANDUNGAN :

BIL	TARIKH	TAJUK
JANUARI		
1.	19 Januari 2011	Majlis Penutup Program Wakaf Al-Quran Untuk Dunia
2.	21 Januari 2011	Kapal Auxiliary TLDM BM 5 Berjaya Menyelamatkan Kapal MT BUNGA LAUREL Yang Dirampas Lanun Di Perairan Teluk Aden
3.	21 Januari 2011	Penyerahan Cek Pampasan Kepada Balu Enam Anggota Tentera Darat Yang Terkorban Dan Cedera Semasa Bertugas Di Bawah Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu (PBB) Dan Penyampaian Pingat Jasa Malaysia (PJM)
FEBRUARI		
4.	2 Februari 2011	Misi Evakuasi Rakyat Malaysia Dari Mesir Ke Saudi Arabia
5.	18 Februari 2011	Respon Terhadap Laporan Akhbar Utusan Malaysia Bertarikh 18 Februari 2011 Oleh Angelina Sinyang, Mukasurat 3
JULAI		
6.	6 Julai 2011	Kapal TLDM Bantu Bot Nelayan Indonesia
7.	15 Julai 2011	OSTEX 2011 – Integrasikan Latihan Aset-Aset TLDM Di Perairan Laut China Selatan
8.	19 Julai 2011	Malaysian Government & International Agencies Join Forces To Curb Biothreats!
9.	21 Julai 2011	Mantan Panglima Angkatan Tentera Terima Anugerah Darjah Utama Bakti Cemerlang (Tentera) Oleh Kerajaan Singapura
OGOS		
10.	8 Ogos 2011	Kunjungan Hormat 13 Duta Besar Dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia

11. 22 Ogos 2011 Siaran Akhbar Berkaitan Kes Rompakan Yang Melibatkan Anggota Tentera

SEPTEMBER

12. 20 September 2011 Anugerah Media Pertahanan Kementerian Pertahanan Malaysia: Perubahan Tarikh AMP 2010/2011

OKTOBER

13. 6 Oktober 2011 Cabaran Pahlawan 2011 / Pahlawan *Challenge* 2011
14. 7 Oktober 2011 Penganugerahan Darjah "*Philippine Legion Of Honour-In Degree Of Commander*" Oleh Kerajaan Filipina Kepada Mantan Panglima Angkatan Tentera, Malaysia
15. 12 Oktober 2011 Majlis Penyerahan Kunci Desa Tunku Mariam, Kem Kementerian Pertahanan Oleh YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Bin Hamidi
16. 12 Oktober 2011 Perjanjian Kerjasama R&D *Thermal Imaging Platform And Camera* Di Antara Kerajaan Malaysia Dengan Titan Thermal Solutions Sdn. Bhd.
17. 18 Oktober 2011 Isu Camar Bulan Dan Pantai Tanjung Datu
18. 27 Oktober 2011 Ideas And Suggestions Can Contribute To Fair Winds And Following Seas

NOVEMBER

19. 11 November 2011 Ekseksais Rhino Siri 1/2011
20. 21 November 2011 Majlis Penangguhan Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Kementerian Pertahanan Tahun 2011
21. 30 November 2011 Pra-Perlancaran Pasukan Profesional Pertunjukan Aerobatik Pertama Malaysia 'KRISAKTI'

DISEMBER

22. 11 Disember 2011 Penganjuran *Malaysian Army International Tattoo* Dan *Malaysian Army International Run 2011*
23. 22 Disember 2011 Lawatan Rasmi Menteri Pertahanan Malaysia Ke Beijing, China
24. 27 Disember 2011 Penganugerahan Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera (DKAT) Kelas Pertama Dengan Anugerah Panglima Gagah Angkatan Tentera (PGAT) Kehormat Kepada Panglima Tentera Nasional Indonesia, Laksamana Agus Suhartono



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/10/004 (01/11)

MAJLIS PENUTUP PROGRAM WAKAF AL-QURAN UNTUK DUNIA

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan kenyataan berikut:

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia dengan rasminya telah **Menutup Program Wakaf Al-Qur'an Untuk Dunia** pada hari ini, di Kompleks Taman Seni Islam Selangor di Shah Alam. Program ini telah menjadi titik bersejarah kepada Kementerian Pertahanan, Angkatan Tentera Malaysia dan Yayasan Restu dalam menyebarkan kalimah Allah di muka bumi.

Al-Qur'an Sinar Sejagat : Wakaf Al-Qur'an Untuk Dunia Peringkat Kebangsaan telah berjalan **sejak 11 Ogos 2010** yang lalu melalui Wakaf Tunai dan Khidmat Pesanan Ringkas. Slogan ini dipilih kerana al-Qur'an merupakan kitab Wahyu terakhir untuk panduan umat manusia. Justeru keperluan umat Islam kepada kitab ini melebihi segala keperluannya kepada perkara-perkara maddi yang lain.

Melalui program ini, Angkatan Tentera Malaysia dan masyarakat Malaysia telah berjaya membantu mengumpulkan dana lebih RM1 juta bagi memenuhi percetakan mushaf untuk masyarakat minoriti yang dihimpit kemiskinan seperti di Kemboja, Vietnam dan lain-lain negara di dunia malahan turut memenuhi keperluan masyarakat tempatan di Malaysia. Al-Qur'an Wakaf dengan Terjemahan Bahasa Khmer akan dicetak sebanyak 5000 naskhah untuk dihantar ke Kemboja bagi menampung keperluan Al-Qur'an di sana. Jumlah yang selebihnya akan digunakan bagi mencetak mushaf al-Qur'an dengan reka bentuk istimewa yang dibuat oleh Yayasan Restu. Menambahkan kebanggaan kita lagi, teks al-Qur'an yang digunakan dalam kedua-dua mushaf ini disalin oleh rakyat Malaysia yang dilatih dan berkhidmat di bawah Yayasan Restu.

Selain mengumpul sumber kewangan, Angkatan Tentera Malaysia dimartabatkan sebagai perantara dalam usaha pengumpulan dana dan pengagihan mushaf al-Qur'an kelak. Ini kerana Angkatan Tentera Malaysia mempunyai mekanisme dan keupayaan dalam mengendalikan misi kemanusiaan seperti ini.

Turut hadir pada Majlis ini adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Panglima-panglima Perkhidmatan, Ketua Setaf Markas Angkatan Tentera dan lebih 200 orang anggota tentera serta warga awam Kementerian Pertahanan sebagai tanda kesyukuran kerjasama kali pertama ini. Kumpulan nasyid al-Fursan di bawah Angkatan Tentera Malaysia dan Gema Restu, Yayasan Restu dipilih untuk menghiburkan tetamu yang hadir. Manakala peserta Akademi Al-Qur'an Musim ke 5, satu-satunya program realiti tv dalam mengasah bakat dan minat terhadap al-Qur'an di bawah TV9 telah menunjukkan bakat dalam bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an. Apa yang menarik tentang penganjuran majlis mala mini adalah ia bukan sahaja mengumpulkan penyumbang-penyumbang malah dibantu secara keseluruhannya oleh umat Islam yang prihatin terhadap usaha pemakmuran kitab suci al-Qur'an.

Untuk makluman lanjut, sila hubungi Pegawai Media, Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan, Mej Marina Harun TUDM di talian 013-3997254.

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MINDEF
KUALA LUMPUR
19 JANUARI 2011



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/10/004 (2/1)

KAPAL AUXILIARY TLDM BM 5 BERJAYA MENYELAMATKAN KAPAL MT BUNGA LAUREL YANG DIRAMPAS LANUN DI PERAIRAN TELUK ADEN

Bahagian Perhubungan Awam, Markas Tentera Laut Diraja Malaysia telah mengeluarkan kenyataan seperti berikut:

Kapal Auxiliary TLDM BUNGA MAS 5 yang sedang melaksanakan Operasi FAJAR telah Berjaya menyelamatkan Kapal MT BUNGA LAUREL yang dirampas lanun di perairan Teluk Aden pada 21 Jan 11. Operasi FAJAR ini dilaksanakan semenjak 21 Jun 09 bagi memberi perlindungan kepada kapal dagang milik MISC dan yang berkepentingan kepada Negara semasa melalui perairan Teluk Aden dari dirampas lanun. Kapal MT BUNGA LAUREL adalah kapal jenis Chemical Tanker yang disewa oleh MISC bagi membawa muatan minyak pelincir dar ethylene dichloride dari Timur Tengah ke Singapura.

Kejadian berlaku pada 20 Jan 11 jam 11:40 malam, kira-kira 300 batu nautika Timur Negara Oman, 2 jam selepas Kapal MT BUNGA LAUREL dipisahkan di kawasan 'selamat' setelah selesai diiringi Kapal Auxiliary TLDM BM 5 melalui perairan Teluk Aden. Kapal MT BUNGA LAUREL telah dinaiki oleh 7 orang lanun yang berasal dari Somalia bersenjatakan senapang AK-47 dan pistol dengan menaiki bot jenis 'skiff'. Dalam masa yang sama, pihak lanun dipercayai menggunakan sebuah kapal induk bagi melancarkan serangan ini yang secara keseluruhan melibatkan seramai 18 orang lanun. Krew Kapal MT BUNGA LAUREL sempat mengaktifkan Ship Security Alert System sebelum berlindung di bilik keselamatan khas yang terletak berhampiran bilik jentera kapal.

Bertindak dari panggilan kecemasan ini, Kapal Auxiliary TLDM BM 5 yang berada kira-kira 14 batu nautika dari Kapal MT BUNGA LAUREL bergegas ke tempat kejadian bagi mengamankan keadaan. Helikopter Fennec TLDM yang dilancarkan dari Kapal Auxiliary TLDM BM 5 turut terlibat di dalam operasi ini dengan memberi bantuan pemantauan dan tembakan dari udara. Tembakan tepat dan padu dari Helikopter Fennec TLDM kea rah kapal induk lanun telah berjaya menghalangnya dari memberi bantuan kepada lanun di atas Kapal MT BUNGA LAUREL. Status kerosakan kapal induk dan kecederaan kepada lanun yang berada di atasnya pada ketika ini tidak dapat dipastikan oleh sebab serangan dilakukan pada waktu malam. Pasukan Perlindungan Khas ATM yang berada di atas Kapal Auxiliary TLDM BM 5 telah diatur gerakkan untuk menggempur lanun di atas Kapal MT BUNGA LAUREL pada jam 1:20 pagi.

Selepas berbalas tembakan dengan pihak lanun, akhirnya Pasukan Perlindungan Khas ATM Berjaya menawan kembali dan menyelamatkan semua 23 orang krew Kapal MT BUNGA LAUREL. Seramai 3 orang lanun mengalami kecederaan di dalam kejadian ini dan diberi rawatan di atas Kapal Auxiliary TLDM BM 5. Pasukan Perlindungan Khas ATM telah Berjaya mengamankan keadaan di dalam masa 2 jam selepas Kapal MT BUNGA LAUREL dinaiki lanun tanpa melibatkan sebarang kecederaan di pihak Pasukan Perlindungan Khas ATM. Kejadian yang berlaku di perairan 'selamat' jelas menggambarkan ancaman lanun semakin berleluasa di perairan Teluk Aden. Sehingga kini sebanyak 32 buah kapal dagang masih lagi di bawah tawanan lanun walaupun usaha di peringkat antarabangsa terus dipergiat dalam menanganinya.

“TRANSFORMASI MELALUI INOVASI”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MinDef

KUALA LUMPUR

21 JANUARI 2011 (12 tengahari)



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/10/004 (3/1)

PENYERAHAN CEK PAMPASAN KEPADA BALU ENAM ANGGOTA TENTERA DARAT YANG TERKORBAN DAN CEDERA SEMASA BERTUGAS DI BAWAH PERTUBUHAN BANGSA – BANGSA BERSATU (PBB) DAN PENYAMPAIAN PINGAT JASA MALAYSIA (PJM)

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan mengeluarkan kenyataan berikut:

Markas Tentera Darat (Mk TD), MinDef telah menguruskan Majlis Penyerahan Cek Pampasan kepada enam balu serta waris anggota Tentera Darat (TD) yang terkorban dan cedera semasa bertugas di bawah PBB.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan Malaysia YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid di Bilik Teratai, Wisma Pertahanan. Hadir pada majlis tersebut adalah seorang anggota dan 5 balu anggota TD.

Cek yang diterima oleh semua pewaris merupakan pampasan yang diberikan oleh United Nation kepada kerajaan Malaysia sebagai tanda penghargaan kepada jasa anggota TD dalam menjalankan tugas semasa berkhidmat di bawah PBB.

Disamping penyerahan cek pampasan PBB, turut berlangsung adalah penyampaian Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada bekas Pegawai Kanan Tentera yang pernah bertugas di AIROD Sdn Bhd. Seramai 5 pegawai yang menerima PJM yang terdiri dari Presiden AIROD, Pengarah Eksekutif MRP Services, CEO AIROD Techno Power Sdn Bhd, CEO SME Ordnance dan CEO Aerospace Technology System Corp Sdn Bhd.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Timbalan Menteri Pertahanan, Panglima Tentera Laut, Panglima Tentera Udara, Ketua Setiausaha serta pegawai-pegawai kanan awam dan tentera.

Sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Pegawai Perhubungan Media, Unit Komunikasi Korporat, MinDef Lt **Siti Aishah Noor** di talian **017-9243102**.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KUALA LUMPUR
21 JANUARI 2011



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/10/004 (1/2)

MISI EVAKUASI RAKYAT MALAYSIA DARI MESIR KE SAUDI ARABIA

Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertahanan mengeluarkan kenyataan berikut:

Kementerian Pertahanan telah melaksanakan misi evakuasi warga Malaysia dari MESIR ke ARAB SAUDI. Misi ini dikenali sebagai OPERASI PIRAMID dan diketuai oleh **Jen Tan Sri Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM**, Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia.

Operasi ini akan dilaksanakan dalam 2 fasa iaitu:

a. **Fasa Pertama**. Evakuasi warga MALAYSIA dari MESIR ke ARAB SAUDI menggunakan 3 X C130 dan BUNGA MAS 5.

i) BUNGA MAS 5 dalam pelayaran dari Teluk Eden ke PORT ADABIYA, MESIR dan dijangka tiba di PORT ADABIYA pada 5 Feb 2011. Seterusnya BUNGA MAS 5 akan melaksanakan evakuasi warga MALAYSIA ke PORT JEDDAH.

ii) Sejumlah 3 pesawat C130H akan digerakkan dari SUBANG ke JEDDAH dan seterusnya ke MESIR bagi misi evakuasi bermula **jam 3 petang ini** dan dijangka sampai pada **jam 3 petang esok (waktu tempatan)**.

(1) Pesawat ini juga akan membawa bantuan bekalan makanan oleh Kementerian Pertahanan dan tim perubatan untuk memberi rawatan kecemasan.

(2) Evakuasi akan dilaksanakan 24 jam sehari dan dengan keupayaan evakuasi maksimum 2,000 warga Malaysia sehari.

(3) Pusat Pindahan di ARAB SAUDI ialah di Mekah dan JEDDAH.

b. **Fasa Kedua**. Kepulangan rakyat MALAYSIA dari ARAB SAUDI seterusnya akan diseliakan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Luar Negeri.

Penasihat Pertahanan Malaysia di Jordan telah diaturgerak ke MESIR bagi membantu operasi evakuasi ini. Pengurusan pengumpulan dan pemindahan warga Malaysia di MESIR diselaraskan oleh Wisma Putra dan Kedutaan Malaysia di Mesir dan Arab Saudi.

ATM berhubung rapat dengan Kementerian Luar Negeri dan Majlis Keselamatan Negara bagi menjayakan misi ini.

Sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Pegawai Perhubungan Media, Unit Komunikasi Korporat, MinDef Lt Kdr Rahimah bte Taib TLDM di talian 019-3851136.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KUALA LUMPUR
2 FEBRUARI 2011**



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 (3/2)

RESPON TERHADAP LAPORAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH

18 FEBRUARI 2011 OLEH ANGELINA SINYANG, MUKASURAT 3

Berhubung dengan laporan akhbar berkenaan dengan kes penipuan yang melibatkan pembekalan alat ganti pesawat MIG 29N TUDM, Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan mengeluarkan kenyataan berikut:

Pihak TUDM telah pun menjalankan siasatan dalaman awal dan mengesahkan bahawa tiada pegawai dan anggota TUDM yang terlibat secara langsung dalam kes penipuan ini.

Pihak TUDM ingin menyatakan bahawa TUDM bersedia untuk bekerjasama dengan pihak bank terlibat serta pihak PDRM pada bila-bila masa jika diperlukan. TUDM berharap dengan penjelasan ini semua pihak tidak akan membuat sebarang spekulasi terhadap TUDM berhubung dengan kes ini sementara siasatan penuh disiapkan oleh PDRM.

Untuk sebarang keterangan lanjut, sila hubungi Pegawai Media, Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan, Mej Marina Harun TUDM di talian 013-3997254 atau Pegawai Perhubungan Awam TUDM, Lt Ezrie Hanif bin Yusof di talian 017-2540600.

“Transformasi Melalui Inovasi”

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KUALA LUMPUR
18 FEBRUARI 2011 (3 petang)**



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/010/004 (01/07)

KAPAL TLDM BANTU BOT NELAYAN INDONESIA

Markas Tentera Laut telah mengeluarkan kenyataan seperti berikut:


1. **Lumut**, 6 Jul – Kapal Diraja (KD) LAKSAMANA HANG NADIM milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah memberi bantuan kepada sebuah bot nelayan Indonesia yang mengalami kerosakan dan terapung selama lapan hari di Perairan Utara Selat Melaka pada 4 Julai 2011.
2. Ketika bot ditemui, kapal sedang melaksanakan rutin pengawasan keselamatan maritim di Perairan Selat Melaka. KD LAKSAMANA HANG NADIM dari Skadron Korvet ke-24 kelas Laksamana milik TLDM ini merupakan antara kapal-kapal TLDM yang ditugaskan mengawasi keselamatan Perairan Selat Melaka.
3. Pada kira-kira jam 2.45 petang KD LAKSAMANA HANG NADIM telah mengesan bot nelayan Indonesia bernombor PB 714 sedang terapung di lokasi 67 batu nautika di Barat Daya, Pulau Pinang. Bot tersebut kelihatan menaikkan kanvas biru sebagai isyarat bot sedang mengalami masalah. Dalam pada itu, kapal turut menerima isyarat tangan dan lambaian pakaian daripada awak-awak bot sebagai penanda isyarat meminta bantuan.
4. KD LAKSAMANA HANG NADIM bertindak menghampiri bot bagi tujuan pemeriksaan dan siasatan. Hasil siasatan tim mengeledah telah mendapati lima orang awak-awak yang berusia dalam lingkungan 18 hingga 35 tahun berada dalam keadaan lesu dan tidak bermaya berada di atas bot berkenaan. Tim juga diberitahu bahawa bot telah terapung sejak 8 hari yang lalu akibat kerosakan pada jentera utama. Ekoran kerosakan tersebut, bekalan kuasa dan sistem perhubungan radio bot telah terputus dan sejak itu mereka tidak dapat membuat sebarang komunikasi melalui radio untuk bantuan. Awak-awak turut memaklumkan bahawa bekalan makanan dan air minuman untuk menampung keperluan mereka sepanjang tempoh terapung juga telah kehabisan sejak beberapa hari. Bot tersebut berukuran 11 meter panjang dan 3 meter lebar.

5. KD LAKSAMANA HANG NADIM telah menghulurkan bantuan makanan dan bekalan air kepada awak-awak bot tersebut. Setelah awak-awak diperamati agak segar, bot kemudiannya telah ditunda ke sempadan perairan Malaysia-Indonesia dan diserahkan kepada bot nelayan lain dari negara jiran tersebut yang berada berdekatan kawasan pada kira-kira jam 4 petang. Selesai penyerahan, bot yang rosak tersebut kemudiannya ditunda oleh bot rakan nelayan yang lain untuk balik ke pangkalannya di Belawan, Indonesia.

6. TLDM sentiasa melaksanakan siri rondaan berterusan di perairan negara dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan perairan negara sentiasa terpelihara. Rondaan berterusan ini khususnya di Perairan Selat Melaka telah terbukti memberikan impak positif dalam memberikan keyakinan keselamatan maritim kepada aktiviti perikanan dan dagangan di perairan laluan antarabangsa ini.

Untuk sebarang keterangan lanjut, sila hubungi Lt Kdr Masliza bt Maaris TLDM, Pegawai Perhubungan Awam, Markas Tentera Laut.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KUALA LUMPUR
6 JULAI 2011**



Siaran

AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 – (02/07)

OSTEX 2011- INTEGRASIKAN LATIHAN ASET- ASET TLDM DI PERAIRAN LAUT CHINA SELATAN

Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan kenyataan berikut:

Tentera Laut Diraja Malaysia bakal mengintegrasikan aset-aset TLDM dalam Siri Latihan Kemahiran Laut atau *Operational Sea Training Excercise* (OSTEX) 2011 di Perairan Laut China Selatan mulai 15 Julai hingga 21 Julai 2011. Dalam kata lain, OSTEX 2011 yang dilaksanakan dalam situasi peperangan tiga dimensi ini bukan hanya menumpukan kepada latihan peperangan, evolusi ilmu kelautan, navigasi, komunikasi bahkan lebih menitikberatkan integrasi di antara kapal, kapal selam dan pesawat udara dalam pelaksanaan operasi secara bersama.

Majlis Perasmian Pembukaan OSTEX 2011 akan disempurnakan oleh Panglima Angkatan Kapal Selam, **Laksamana Pertama Dato' Pahlawan Muhammad Rosland bin Omar** di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Sabah pada 15 Julai 2011. OSTEX 2011 melibatkan secara langsung aset TLDM yang terdiri daripada sembilan buah kapal iaitu KD LEKIU, KD LEKIR, KD SELANGOR, KD KELANTAN, KD TERENGGANU, KD PERAK, KD PAHANG, KD MAHAMIRU dan KD LEDANG, dua buah aset strategik negara, kapal selam KD TUNKU ABDUL RAHMAN dan KD TUN RAZAK, dua buah helikopter *Super Lynx* dan dua buah helikopter *Fennec* serta Pasukan Khas Laut (PASKAL) dan Tim Penyelam. Selain daripada aset-aset TLDM, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bakal menyumbang dalam pelaksanaan latihan gabungan TLDM ini dengan menugaskan pesawat pejuang SU-30 MKM dan F-18D serta pesawat rondaan maritim B200T.

--	--	--	--	--	--

Sebagai langkah penjimatan, OSTEX 2011 sekali lagi menggabungkan tiga siri latihan yang kelazimannya dilaksanakan secara berasingan bagi tiga Markas operasi dalam TLDM iaitu Markas Armada di Pangkalan TLDM Lumut, Markas Wilayah Laut 1 di Kuantan dan Markas Wilayah Laut 2 di Kota Kinabalu. Gabungan sembilan buah kapal TLDM, kapal selam negara KD TUNKU ABDUL RAHMAN dan KD TUN RAZAK serta aset udara milik TLDM dalam memperagakan kewujudan di Perairan Laut China Selatan membuktikan bahawa TLDM tidak pernah leka dan sentiasa berwaspada dalam menjaga kepentingan perairan negara selain daripada rondaan berterusan dan penempatan tim-tim keselamatan di stesen luar pantai kawasan perairan ini.

Majlis Penutup OSTEX 2011 akan disempurnakan oleh Panglima Armada, Laksamana Madya Dato' Wira Jamil bin Haji Osman di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Sabah pada 21 Julai 2011 akan datang.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi, Pegawai Perhubungan Media Markas Armada **Lt Kdr Noorlida bte Rahaman TLDM** di talian **012-5006376** atau Pegawai Perhubungan Media Markas Wilayah Laut 2, Kota Kinabalu **Lt Ahmad Fitri bin Alias TLDM** di talian **019-7704787**.

**Seksyen Media
Kementerian Pertahanan
KUALA LUMPUR**

15 JULAI 2011



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 – (03/07)

**MALAYSIAN GOVERNMENT & INTERNATIONAL AGENCIES
JOIN FORCES TO CURB BIOTHREATS!**

The Corporate Communication Unit, Ministry of Defence have issued the following statement:

The Malaysian Government has sent policy makers, scientists, researchers, and academicians from relevant agencies, research institutions, and universities to attend the BioSafety, Biosecurity, and Biodefence (BioSSD) International Congress 2011 from 18 – 20 July 2011 at the Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur. Adding to this stronghold support is the Biosecurity Engagement Program under the purview of the U.S. Department of State that is sending another 50 Asia Pacific experts to this international event.

The BioSSD International Congress 2011 is in its second series and now covers Asia Pacific, adding the matters of biodefence to its key itinerary of contents. The involvement of international associations such as the World Organisation of Animal Health (OIE), International Federation of Biosafety Associations (IFBA) and Asia-Pacific Biosafety Association (A-PBA) have further reinforced the efforts of this congress - imparting expert knowledge, views and opinions on a wide range of important bioterror issues and developments.

The Congress has also garnered support from the industry through involvement of corporate sponsors such as Abbott Molecular and ESCO Micro (M) Sdn Bhd and media partners like Medical Corp International Forum (MCIF), BioSpectrum Asia, and Infinity 21.

The issues of biosafety, biosecurity, and biodefence together with the laboratories' obligation to adhere to safety standards, have now become an urgent responsibility for the scientific community, policy makers and regulators alike. Malaysia has ratified international treaties in this area and is serious in our commitments and initiatives for confidence building in biorisk management in our country and in the Asia Pacific region.

In light of this, the BioSSD International Congress 2011 is an event that aims to bring together a pool of BioSSD global experts to discuss the practices, challenges, and strategies of BioSSD in the region – Science and Technology Research Institute (Ministry of Defence) in collaboration with the relevant Malaysian government agencies such as the National Security Council, Ministry of Natural Resources and Environment, Institute for Medical Research (Ministry of Health) and Department of Veterinary Services (Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry)

are in partnership with PROTEMP Group and beta seminare bonn berlin to organize this Congress in Kuala Lumpur.

Key expert speakers at the congress such as the Ambassador of Netherlands Paul van den IJssel, Chairman of Biological Weapon Convention in Geneva; Dr Maureen Ellis, President of the International Federation of Biosafety Associations; GMO expert Dr. Vibha Ahuja; Dr Keith Hamilton from The World Organisation of Animal Health (OIE); risk communication expert Dr Andrew Roberts,; YM Raja Reza Raja Dato' Zaib Shah, the Undersecretary of Disarmament and Non-Proliferation Division, Ministry of Foreign Affairs, Malaysia; and many others.

For more information about the congress, please email Dr Zalini Yunus at zalini.yunus@stride.gov.my or visit www.biossdcongress.com.

**Corporate Communication Unit
Ministry of Defence
KUALA LUMPUR**

19 JULY 2011



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/010/004 (4/7)

**MANTAN PANGLIMA ANGKATAN TENTERA TERIMA ANUGERAH
DARJAH UTAMA BAKTI CEMERLANG (TENTERA) OLEH KERAJAAN
SINGAPURA**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan kenyataan berikut:

SINGAPURA - Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM, mantan Panglima Angkatan Tentera Malaysia telah dianugerahi dengan Darjah Utama Bakti Cemerlang (Tentera) oleh Kerajaan Singapura pada 20 Julai 2011. Pengurniaan darjah kebesaran tersebut telah disempurnakan oleh TYT S R Nathan, Presiden Republik Singapura di Istana Presiden.

Pingat ketenteraan tertinggi Singapura ini dikurniakan kepada Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan sebagai pengiktirafan Kerajaan Singapura terhadap jasa serta sumbangan beliau ke arah mengeratkan lagi hubungan strategik dan kerjasama antara Angkatan Tentera Malaysia dan Angkatan Tentera Singapura khususnya, dan juga terhadap kestabilan geo-strategik serantau amnya.

Upacara bersejarah ini turut disaksikan oleh Dr Ng Eng Hen, Menteri Pertahanan Singapura, Lt Gen Neo Kian Hong, Panglima Angkatan Tentera, Singapura, pegawai-pegawai kanan tentera dan awam Kementerian Pertahanan Singapura. Turut hadir adalah TYT Dato' Md Hussin bin Nayan, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura. Bersempena dengan itu juga, beliau turut melakukan kunjungan hormat ke atas Menteri Pertahanan Singapura, di mana antara perkara yang dibincangkan adalah perkara-perkara yang menjadi kepentingan keselamatan bersama dan serantau.

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MINDEF

KUALA LUMPUR

21 JULAI 2011 (Dikeluarkan jam 11.30 pagi)



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004(1/08)

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan mengeluarkan kenyataan seperti berikut:

Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi hari ini bersamaan hari Isnin, 8 Ogos 2011 telah menerima kunjungan hormat daripada 13 orang Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di pejabat beliau di Wisma Pertahanan.

Senarai Duta dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia yang hadir dalam kunjungan hormat tersebut adalah seperti dilampirkan.

Kesemua Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ini telah menerima Watikah Pelantikan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 12 Julai 2011 dan dijangka akan berlepas ke Negara-negara yang ditauliahkan pada minggu ketiga bulan Ogos 2011.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“TRANSFORMASI MELALUI INOVASI”

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KUALA LUMPUR
8 OGOS 2011**



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/010/004 (3/8)

**SIARAN AKHBAR BERKAITAN KES ROMPAKAN YANG MELIBATKAN
ANGGOTA TENTERA**

***Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertahanan Mengeluarkan Kenyataan
Berikut:***

Lanjutan dari laporan media mengenai kejadian anggota pasukan keselamatan terlibat dalam kejadian rompakan bersenjata dan ditembak mati di Kafe Siber di Kampung Sungai Baru, Sungai Buloh pada hari Ahad (21 Ogos 2011), Markas Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengesahkan bahawa mereka yang terlibat adalah terdiri dari anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Panglima Angkatan Tentera (PAT) memandang serius kejadian yang berlaku dan tidak akan sesekali berkompromi dengan sesiapa sahaja yang terlibat dalam kejadian dan akan menentukan mereka dibawa ke muka pengadilan.

PAT telah mengarahkan Panglima Tentera Darat (PTD) untuk menyiasat insiden yang berlaku dengan terperinci dan ATM juga akan memberikan kerjasama sepenuhnya dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menjalankan siasatan.


Sehubungan itu, satu Lembaga Siasatan Dalaman yang diketuai oleh seorang Pegawai Tentera Darat yang berpangkat Kolonel telah di tubuhkan bagi menyiasat perkara-perkara berkaitan dengan kejadian.

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MINDEF

KUALA LUMPUR

22 OGOS 2011 (Dikeluarkan jam 9.30 pagi)



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004(02/09)

ANUGERAH MEDIA PERTAHANAN KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA:

PERUBAHAN TARIKH AMP 2010/2011

PENGUMUMAN

KEPADA KETUA EDITOR/EDITOR/WARTAWAN/KETUA FOTO/JURUFOTO/JURUVIDEO

MERUJUK KEPADA KP/UKK/SPM/010/004(5/07) YANG DIKELUARKAN PADA 26 JULAI 2011, UNIT KOMUNIKASI KORPORAT KEMENTERIAN PERTAHANAN MENGELUARKAN KENYATAAN BERIKUT:

YB MENTERI PERTAHANAN TELAH MENANGGUHKAN TARIKH MAJLIS ANUGERAH MEDIA PERTAHANAN 2010/2011 DARI 18 NOVEMBER 2011 KEPADA **25 NOVEMBER 2011**. **JUSTERU, TARIKH TUTUP PENYERTAAN TELAH DILANJUTKAN KEPADA 20 OKTOBER 2011**. PENYERTAAN YANG LEWAT DARI TARIKH TERSEBUT TIDAK AKAN DIPERTANDINGKAN. KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNGI MEJ MARINA BTE HARUN TUDM DI TALIAN 03-20715725.

**'PERTAHANAN NEGARA ADALAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA'
SELAMAT MENYERTA PERTANDINGAN**

'PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA'

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KUALA LUMPUR
20 SEP 2011



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 (01/10)

CABARAN PAHLAWAN 2011/ PAHLAWAN CHALLENGE 2011

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan kenyataan berikut:

Cabaran Pahlawan 2011/ Pahlawan *Challenge* 2011 akan diadakan pada **15 Oktober 2011** sempena Rayuan Hari Pahlawan (RHP) bertujuan mewujudkan kesedaran masyarakat Malaysia mengenai Hari Pahlawan yang disambut setiap tahun pada 31 Julai. Acara ini akan bermula pada awal pagi di Kem Wardieburn, Setapak melalui Tugu Negara, The Curve dan Muzium TUDM Sungai Besi. Berkonsepkan *Drive Hunt*, peserta akan diminta menyelesaikan pencarian berdasarkan petunjuk-petunjuk yang akan diberikan.

Unsur-unsur utama *Drive Hunt* ialah mencari penyelesaian melalui petunjuk yang berada disepanjang laluan yang telah ditetapkan. Tempoh masa keseluruhan pemburuan ini dijangka akan mengambil 5 ½ jam. Majlis penyampaian hadiah akan diadakan di Muzium TUDM Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Hari Pahlawan disambut melalui Kempen RHP bermula dari 15 Julai sehingga 15 Oktober 2011. Objektif RHP ialah untuk meningkatkan dana dalam membela kebajikan bekas askar dan tanggungan mereka. Pada tahun 2011, tema bagi RHP 2011 ialah "Negara Gemilang, Pahlawan Dikenang". Majlis Perlancaran RHP 2011 ini telah dirasmikan oleh Isteri Perdana Menteri merangkap Penaung RHP, YABhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor di Amfiteater, Kompleks Karyaneka, Kuala Lumpur pada 29 Julai 2011. Ia juga telah disiarkan secara langsung di RTM TV1.

Hari Pahlawan dirayakan setiap tahun pada 31 Julai bagi memperingati dan menghargai perjuangan serta pengorbanan wira-wira Negara dalam memupuk semangat patriotik dan cintakan Negara kepada semua masyarakat terutama di kalangan generasi muda.

Disamping itu juga, badan-badan korporat juga turut digalakan menyumbang kepada Tabung RHP bagi membantu bekas tentera dan tanggungan mereka yang memerlukan. Tempoh Kutipan Rayuan Hari Pahlawan 2011 adalah mulai 15 Julai hingga 15 Oktober 2011. Pada hari ini, secara rasminya rakyat Malaysia boleh turut serta dalam menghargai pahlawan-pahlawan negara yang telah menyumbangkan bakti kepada negara dengan menghulurkan sumbangan kepada Tabung Rayuan Hari Pahlawan Tahun 2011. Setiap penderma akan diberikan sekuntum Bunga Raya sebagai simbol Rayuan Hari Pahlawan ini dan ianya digalakkan dipakai sepanjang tempoh kutipan dilaksanakan.

Sumbangan boleh dibuat kepada akaun Tabung Rayuan Hari Pahlawan bernombor 10-595-000-320-1 (Affin Bank) melalui wakil-wakil daripada Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) di seluruh Negara serta Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM). Masyarakat boleh menderma melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan taip RHP (1/2/3/4/5/6/7/8/9/10) dan hantar ke 37799. Angka 1 hingga 10 ini mewakili nilai ringgit yang mahu disumbangkan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi En Mohd Yusrizal b. Hj. Ab. Razak, Pegawai Perhubungan JHEV di talian 017-6297397/03-20508000.

"Hari Pahlawan ini adalah untuk mendidik masyarakat agar mereka menghayati pengorbanan dan mengenang jasa Pahlawan tanah udara dengan menghulurkan Derma atau Sumbangan".

"Negara Gemilang, Pahlawan Dikenang"

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MINDEF

KUALA LUMPUR

6 OKTOBER 2011 (Dikeluarkan jam 11 pagi)



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/010/004 (02 /10)

**PENGANUGERAHAN DARJAH “PHILIPPINE LEGION OF HONOUR-IN DEGREE
OF COMMANDER” OLEH KERAJAAN FILIPINA KEPADA
MANTAN PANGLIMA ANGKATAN TENTERA, MALAYSIA**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan Malaysia mengeluarkan kenyataan berikut:

FILIPINA: Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM, mantan Panglima Angkatan Tentera telah dianugerahi dengan Darjah “Philippine Legion of Honor – In The Degree of Commander” oleh Kerajaan Filipina pada 6 Okt 2011. Pengurniaan darjah kebesaran tersebut telah disempurnakan oleh Voltaire T Gazmin, Setiausaha Pertahanan Nasional, di Jabatan Pertahanan Nasional, Filipina.

Pingat ketenteraan tertinggi Filipina ini dikurniakan kepada Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan sebagai pengiktirafan Kerajaan Filipina terhadap jasa serta sumbangan beliau ke arah mengeratkan lagi hubungan strategik dan kerjasama antara Angkatan Tentera Malaysia dan Angkatan Tentera Filipina khususnya, dan juga terhadap kestabilan geo-strategik serantau amnya.

Upacara bersejarah ini turut disaksikan oleh Panglima Angkatan Tentera, Filipina Jeneral Eduardo SL Oban, mantan Panglima Angkatan Tentera Filipina, Jeneral Victor S. Ibrado AFP (Bersara), pegawai-pegawai kanan tentera dan awam Kementerian Pertahanan Filipina serta wakil Kedutaan Besar Malaysia, Manila.

“TRANSFORMASI MELALUI INOVASI”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MINDEF
KUALA LUMPUR
7 OKT 2011 (Dikeluarkan jam 3.30 petang)



Siaran **AKHBAR**

CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MAJLIS PENYERAHAN KUNCI DESA TUNKU MARIAM, KEM KEMENTERIAN PERTAHANAN OLEH YB DATO SERI DR AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

MENGENAI DESA TUNKU MARIAM, KEM KEMENTAH 3

- Luas kawasan pembinaan: 6.58 ekar
- Kos pembangunan :RM58.6 juta
- Tarikh siap: 22 April 2008

Pembangunan merangkumi:

▪ Pangsapuri Blok A	138 unit	} 410 unit
▪ Pangsapuri Blok B	134 unit	
▪ Pangsapuri Blok C	138 unit	
▪ Surau	1 unit	
▪ Pencawang elektrik	1 unit	
▪ Rumah sampah	1 unit	
▪ Tangki sedut	1 unit	
▪ Hentian Bas	1 unit	
▪ Wakaf	4 unit	
▪ Pondok Pengawal	2 unit	
▪ gelanggang takraw	2 Unit	
▪ Taman Permainan Kanak-kanak		
▪ Tempat letak kereta	461 lot	
▪ Tempat letak motosikal berbumbung	138 lot	

Kemudahan awam yang disediakan untuk penghuni kem:

- Tadika
- Perpustakaan
- Bilik komputer
- Pejabat penyelenggaraan
- Taman permainan kanak-kanak
- Gelanggang badminton / sepak takraw

MENGENAI USAHASAMA SPNB-LTAT SDN. BHD. (USL)

- SPNB telah dilantik sebagai kontraktor reka dan bina untuk projek pembangunan kuarters-kuarters pelbagai kelas untuk Angkatan Tentera Malaysia dan kakitangan awam. Ia membabitkan usahasama 51%-49% di antara SPNB dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) melalui Syarikat SPNB-LTAT Sdn. Bhd.
- Sebanyak 6,550 unit kediaman untuk angkatan tentera telah dibangunkan oleh USL di Lembah Klang yang merangkumi:-

Kem Kementah (1,2,3)	1,830 unit
Kem TUDM Subang	660 unit
Kem Sungai Besi	1,479 unit
Kem Pasifik	834 unit
Kem Wardieburn	948 unit
Kem U Thant (1 dan 2)	620 unit
Kem Pangkalan Udara KL	179 unit


JUMLAH **6,550 unit**

'KOMITMEN KAMI KEYAKINAN ANDA'

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KUALA LUMPUR

12 OKTOBER 2009



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004(03/10)

**PERJANJIAN KERJASAMA R&D THERMAL IMAGING PLATFORM AND CAMERA
DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN TITAN THERMAL SOLUTIONS
SDN. BHD.**

Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan kenyataan berikut:

Kementerian Pertahanan Malaysia dan Titan Thermal Solutions Sdn. Bhd., telah menandatangani perjanjian kerjasama R&D untuk mendalami teknologi *thermal imaging* pada 12 Oktober 2011 (Selasa). Kerjasama ini adalah satu permulaan untuk membuka pintu kepada penglibatan negara dalam Industri Pengimejan Terma. Ini juga antara satu usaha Kerajaan untuk meningkatkan R&D di dalam negara dan membangunkan daya inovasi di antara generasi muda.

Teknologi Pengimejan Terma adalah satu teknologi yang dimonopoli oleh kuasa-kuasa barat selama ini. Penggunaan teknologi pengimejan terma dan kamera terma adalah sangat luas dan bertujuan memberi penglihatan dalam situasi penglihatan biasa manusia terjejas seperti keadaan berkabus, gelap dan berasap. Teknologi pengimejan terma membolehkan penglihatan lebih jelas kerana ia tidak bergantung kepada cahaya, tetapi hanya kepada haba dan perbezaan di persekitaran.

Thermal Imaging Platform and Camera merupakan satu keperluan asas dalam sistem pertahanan, penguatkuasaan dan penyelamat. Melalui kerjasama ini, negara mempunyai peluang untuk memperoleh teknologi ini bagi memenuhi keperluan ketenteraan masa hadapan. Aplikasi peralatan ini meliputi pertahanan, penyelenggaraan bangunan sehingga ke sistem keselamatan. Inisiatif usaha ini akan membolehkan negara mencapai penggunaan terma secara optimum dengan

mengintegrasikan produk ini dalam sistem pertahanan. Proses integrasi ini akan meningkat dan memodenisasikan sistem pertahanan negara dan menerapkan teknologi tinggi ke dalam pertahanan secara menyeluruh.

Kerjasama antara Titan Thermal Solutions dan Kerajaan Malaysia melalui STRIDE akan membantu menggabungkan kepakaran dan keupayaan masing-masing untuk membawa teknologi tinggi dan inovasi dalam industri pengimejan terma negara. Ini adalah satu titik permulaan untuk meningkatkan potensi intelektual negara melalui kerjasama kerajaan dan swasta dalam industri ini.

Gabungan usaha ini juga akan membolehkan penglibatan negara secara langsung dalam industri pengimejan terma yang ketika ini diterajui oleh Negara-negara Barat. Ini akan menukar tanggapan terhadap negara kita sebagai pembeli kepada pembekal peralatan kamera terma berteknologi tinggi pada masa hadapan.

'PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA'

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KUALA LUMPUR
12 OKT 2011**

MAKLUMAT SYARIKAT

Titan Thermal Solutions Sdn. Bhd. bermula sebagai suatu gabungan inisiatif penyelidikan yang telah berkembang ke arena komersial pada 2010. Fokus utama syarikat adalah untuk membina dan menjadi pengeluar *Thermal Imaging Platform* untuk Industri Terma Dunia. Titan Thermal Solutions bertindak proaktif bagi membangunkan dan memenuhi keperluan teknologi tinggi yang berkembang untuk *hardware* dan *software* dalam OEM industri terma.

Komponen asas dalam pembinaan *Thermal Imaging Camera* ialah *Thermal Imaging Platform*. Dengan menghasilkan sendiri *Thermal Imaging Platform*, maka Titan Thermal Solutions Sdn. Bhd. berada di hadapan pesaing-pesaing lain dalam industri ini.

Ini membolehkan Titan Thermal Solutions Sdn.Bhd. terlibat dalam pasaran


- i) *Thermal Imaging Platform*
- ii) *Thermal imaging Camera*, dan
- iii) *Embedded Boards*

Selain dari itu, *Thermal Imaging Platform* juga boleh diintegrasikan dalam sistem lain seperti komunikasi, persenjataan, *missile*, industri petroleum, industri maritim serta pasukan bomba dan penyelamat.

Untuk Maklumat Lanjut

Nama : Vivek Panicker
Syarikat : Titan Thermal Solutions Sdn. Bhd.
HP : 016-9778417
E-Mail : sales@titanthermal.com
Laman : www.titanthermal.com

Nama : Mejar Sarmidi Marjudin (Bersara)
Syarikat : Titan Thermal Solutions Sdn. Bhd.
HP : 019-2141558
E-Mail : sales@titanthermal.com
Laman : www.titanthermal.com



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 (04/10)

ISU CAMAR BULAN DAN PANTAI TANJUNG DATU

Panglima Divisyen Pertama Infantri Malaysia, Mejar Jeneral Datuk Mohd Zaki bin Haji Mokhtar setelah mendapat persetujuan Timbalan Panglima Tentera Darat Leftenan Jeneral Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi pada 18 0930H Okt 2011 melalui percakapan telefon, telah mengeluarkan kenyataan berikut:

Tentera Darat Malaysia : Tiada Isu Di Perbatasan Malaysia-Indonesia

KUCHING – Tentera Darat Malaysia (TDM) hari ini menegaskan tiada sebarang isu yang timbul di perbatasan Malaysia-Indonesia khususnya di Sarawak dan Kalimantan Barat (KALBAR).

Mejar Jeneral Datuk Mohd Zaki bin Haji Mokhtar, Panglima Divisyen Pertama Infantri Malaysia dalam kenyataannya menegaskan bahawa tindakan itu adalah satu dakwaan tidak berasas.

Kenyataan ini di keluarkan susulan dari dakwaan pihak tertentu di Indonesia yang menyatakan bahawa Malaysia telah menduduki secara haram kawasan Camar Bulan di Tanjung Datu seluas 1,499 km persegi.

Malaysia juga turut dinyatakan terlibat di dalam pengalihan Batu sempadan di kawasan berkenaan sehingga mengakibatkan Indonesia kononnya kehilangan kawasan pantai sejauh 800 m.

Sehubungan dengan itu juga, TDM telah berbincang dengan rakan sejawat dari TNI-AD di KALBAR dan menegaskan apa yang didakwa sebenarnya tidak berlaku sama sekali dan hanyalah semata-mata polemik politik pihak tertentu sahaja.

TDM dalam pada itu juga yakin bahawa dengan pertalian dan kerjasama erat antara TDM dan TNI-AD akan mampu menyelesaikan segala permasalahan di perbatasan kedua-dua negara. Perhubungan yang sedia terjalin akan sentiasa dipupuk dan dipelihara demi kepentingan bersama.

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MINDEF

KUALA LUMPUR

18 OKTOBER 2011 (Dikeluarkan jam 5.35 petang)



Siaran
AKHBAR

CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/TAD/UKK/15/14

**IDEAS AND SUGGESTIONS CAN CONTRIBUTE TO
FAIR WINDS AND FOLLOWING SEAS**

The Corporate Communications Department, Ministry of Defence has come out with this statement:

In regards with the article in **The New Straits Times**, dated **October 20th 2009**, with the title **NEVER A WASTE OF FUNDS**, we would like to thank the writer, Commander (RTD) Dr Tan from Petaling Jaya with thousands of gratitude for his suggestion and recommendation on how to manage the budget given to MINDEF in ensuring the safety, security and sovereignty of the nation.

For the records, this suggestion has been forwarded to the Appropriate Superior Authority (ASA) attention, as they will proceed to take necessary actions. MINDEF have received a lots of recommendations and we have always welcome any comments, suggestions, ideas and even proposal to enhances the productivity for the betterment of our service quality.

We would like to thank Commander (RTD) Tan for his views and we hope that he will continuously contribute ideas in making the vision of our Prime Minister, "*people first, performance now*" become into reality.

KUALA LUMPUR
27th October 2009



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004(03/11)

EKSES AIS RHINO SIRI 1/2011

Tentera Darat Malaysia (TDM) sedang melaksanakan Eksesais Rhino Siri 1/2011 bermula pada 9 Nov sehingga 22 Nov 2011 di sekitar Negeri Johor iaitu melibatkan Daerah Kluang, Kahang, Jemalung, Sedili Besar dan Desaru.

Eksesais ini akan dilaksanakan dalam skala yang besar serta melibatkan banyak aktiviti tentera, pergerakan anggota, senjata dan kenderaan pelbagai jenis Tentera Darat disepanjang eksesais ini dilaksanakan.

Justeru itu, orang ramai khususnya yang bermastautin di kawasan-kawasan yang telah dinyatakan adalah dinasihatkan agar tidak panik dan cemas dengan kehadiran elemen-elemen tentera di kawasan mereka serta diingatkan sentiasa berwaspada, terutama ketika memandu di sekitar kawasan berkenaan untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Mej Zahrullail bin Hidayat di talian 012-3039247.

'PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA'

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KUALA LUMPUR

11HB NOV 2011

**MARKAS TENTERA DARAT MENGELUARKAN KENYATAAN
SEPERTI BERIKUT:**

Tentera Darat Malaysia (TDM) sedang melaksanakan Ekksesais Rhino Siri 1/2011 bermula pada 9 sehingga 22 Nov 2011 di sekitar Negeri Johor iaitu melibatkan Daerah Kluang, Kahang, Jemalung, Sedili Besar dan Desaru.

Ekksesais ini akan dilaksanakan dalam skala yang besar serta melibatkan banyak aktiviti tentera, pergerakan anggota, senjata dan kenderaan pelbagai jenis Tentera Darat disepanjang ekksesais ini dilaksanakan.

Justeru itu orang ramai khususnya yang bermaustatin di kawasan-kawasan yang telah dinyatakan adalah dinasihatkan agar tidak panic dan cemas dengan kehadiran elemen-elemen tentera di kawasan mereka serta diingatkan sentiasa berwaspada, terutama ketika memandu di sekitar kawasan berkenaan untuk mengelakan kejadian yang tidak diingini.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Mej Zahullail bin Hidayat di talian 012-3039247.



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/010/004 (05/11)

**MAJLIS PENANGGUHAN SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN
PERINGKAT KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2011**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan kenyataan berikut:

Majlis sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) peringkat Kementerian Pertahanan Tahun 2011 merupakan acara yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka selari dengan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) yang diraikan pada bulan Oktober setiap tahun di seluruh negara. Tema sambutan BBK pada tahun 2011 adalah "1 Bahasa 1 Bangsa 1 Negara".

Sambutan BBK merupakan program bahasa yang sebelum ini dikenali sebagai Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) yang telah dimulakan pada tahun 1999. Program ini, pada asalnya dikenali dengan nama Minggu Bahasa Kebangsaan dan Bulan Bahasa Kebangsaan yang diadakan sepanjang dekad 60-an, kemudian Gerakan Cintailah Bahasa Kita yang dijalankan pada tahun 1987 hingga tahun 1988, Minggu Sastera Negara dari tahun 1987 hingga tahun 1998, seterusnya Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta dari tahun 1996 hingga tahun 2005.

Tujuan utama sambutan BBK adalah untuk :

1. Menguatkan rasa megah terhadap bahasa kebangsaan.
2. Mengeratkan dan memperkukuh perpaduan bangsa melalui bahasa kebangsaan.
3. Menyemarakkan peranan bahasa kebangsaan sebagai tonggak pembinaan Negara bangsa.

Penganjuran sambutan BBK ini diterbit atas kesedaran bahawa tanggungjawab memperkasakan bahasa kebangsaan bukanlah terletak di bahu Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja, malah menjadi tanggungjawab seluruh masyarakat Malaysia sama ada jabatan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta, dan pihak individu. Semua pihak harus sama-sama menggembleng tenaga demi memastikan keutuhan bahasa kebangsaan tidak diganggu-gugat.

Pelbagai program dan acara berkaitan bahasa dan sastera telah diatur rapi bagi mengisi dan menyemarakkan lagi sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat Kementerian Pertahanan pada kali ini. Antaranya, Pertandingan Pidato Peringkat Kementerian, Pertandingan Berbalas Pantun, Pertandingan Drama Sebabak, Deklamasi Syair dan Sajak serta lain-lain lagi.

Kemuncak bagi program dan acara tersebut adalah pada hari ini, dimana pemenang bagi setiap program dan acara yang dipertandingkan telah pun diketahui dan YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan berbesar hati untuk menyempurnakan acara penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang sekaligus menanggukkan Sambutan BBK Peringkat Kementerian Pertahanan Tahun 2011.

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MINDEF

KUALA LUMPUR

21 NOVEMBER 2011 (Dikeluarkan jam 3.00 petang)



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/010/004 (6/11)



Pasukan Profesional Pertunjukan Aerobatic 1Malaysia
(www.krisakti.com)

**PRA-PERLANCARAN PASUKAN PROFESIONAL PERTUNJUKAN
AEROBATIK PERTAMA MALAYSIA 'KRISAKTI'**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan Malaysia mengeluarkan kenyataan berikut:

TUDM Butterworth–Pra-perlancaran pasukan professional pertunjukan aerobatik 1Malaysia yang dikenali sebagai “**KRISAKTI**” yang diadakan di Pengkalan Udara Butterworth, Pulau Pinang hari ini telah dinamakan sempena nama senjata tradisi Malaysia iaitu Keris yang melambangkan kehebatan, kekuatan dan kekuasaan.

Pada LIMA Langkawi 2009, Menteri Pertahanan Malaysia telah melahirkan hasrat untuk mewujudkan pasukan KRISAKTI. Setelah melalui beberapa perbincangan diantara Kementerian Pertahanan, TUDM dan Aerotree, hasrat ini telah direalisasikan melalui satu kelulusan di daripada mesyuarat Majlis Aeroangkasa Malaysia yang diadakan pada 1 Disember 2010. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Aerotree telah menawarkan kesediaan untuk membantu Kerajaan bagi menubuhkan pasukan ini. Ianya adalah sebagai satu **usahasama swasta-kerajaan yang tidak berlandaskan keuntungan**. Penubuhan ini akan menambah nilai nasional dan mengurangkan penggantungan terhadap Negara asing bagi melakukan aktiviti-aktiviti sebegini.

Penubuhan pasukan KRISAKTI ini adalah untuk menjadi jambatan kepada memperkenalkan konsep 1Malaysia kepada rakyat Malaysia melalui formasi pesawat yang mengkagumkan dengan jalinan kerjasama berpasukan dalam formasi pesawat oleh juruterbang. Ianya juga dapat memperutuhkan nama negara Malaysia di peringkat antarabangsa dalam industri penerbangan dimana secara tidak langsung membawa kepada penjenamaan bagi menjadikan Malaysia sebagai peneraju utama di dalam Industri Penerbangan di rantau ini.

Malaysia mempunyai beberapa syarikat tempatan dan internasional dalam bidang penerbangan yang bakal menarik minat untuk menyertai KRISAKTI sebagai peneraju dan peminat dibidang pertunjukan pasukan Aerobatik ini. Ini akan memperkenalkan Malaysia secara tidak langsung sebagai pusat servis, latihan dan hub penerbangan yang cemerlang di rantau ini.

PASUKAN KRISAKTI

Penubuhan pasukan KRISAKTI adalah **lambang kejayaan Negara Malaysia dalam usaha membentuk dan mempunyai satu pasukan aerobatik sepenuh masa hasil dari gabungan antara kerajaan dan syarikat swasta**. Pasukan ini akan **mewakili Malaysia** dalam membawa dan mendokong misi serta visi kepimpinan Negara **untuk seluruh acara yang akan dijalankan samada di dalam Negara, di rantau ini dan di peringkat antarabangsa**.

Pasukan juruterbang pertama ini akan mempunyai komposisi kumpulan yang terdiri daripada **tujuh juruterbang mahir dari pihak TUDM dan awam** sepenuh masa. Ianya terdiri daripada beberapa kaum **berbilang bangsa yang merangkumi penjenamaan 1Malaysia**. Pasukan ini juga dilengkapi dengan seramai enam orang mekanik penyelenggaraan bersama dengan beberapa jurutera awam dan pihak juruteknik.

Juruterbang-juruterbang terpilih telah menjalani latihan intensive permulaan bermula dari akhir bulan Oktober sehingga pertengahan November 2011 bersama pasukan The Blades iaitu satu pasukan yang dibiayai oleh pihak swasta yang diwakili oleh bekas Juruterbang Red Arrows di United Kingdom. Latihan berterusan amat diperlukan bagi memastikan kemahiran skil yang tinggi bagi menentukan mutu dan pertunjukan adalah selamat disepanjang masa. Setelah pulang, pasukan KRISAKTI meneruskan menjalani latihan untuk persediaan **pelancaran rasmi yang bakal diadakan pada 6hb Disember 2011 di LIMA 2011, Langkawi oleh YAB Perdana Menteri Malaysia**. Buat masa ini, pasukan KRISAKTI ini menjalankan latihan dan operasi di Pengkalan Udara Butterworth, Pulau Pinang.

KRISAKTI menggunakan **empat buah pesawat berkipas "Extra 300L" buatan German**. Kelebihan pesawat ini adalah disebabkan kos yang lebih rendah berbanding pesawat dan jet yang lain. Penyelenggaraan pesawat tersebut juga mudah dan mudah dikendalikan. Ianya terbukti selamat dan mempunyai pergerakan aerobatic yang tak terbatas (+- 10G). Akhir sekali, pesawat ini adalah fleksible dimana ianya dapat dibawa kemenerata tempat dalam atau luar negara dengan mudah. Pasukan KRISAKTI dijangka akan mengadakan beberapa pertunjukan udara di acara-acara tahunan didalam dan diluar Negara.

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MINDEF

KUALA LUMPUR

30 Nov 2011 (Dikeluarkan jam 10 pagi)



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 (08/12)

**PENGANJURAN MALYSIAN ARMY INTERNATIONAL TATTOO DAN
MALYSIAN ARMY INTERNATIONAL RUN 2011**

Sel Perhubungan Raya Markas Tentera Darat telah mengeluarkan kenyataan berikut:

Tentera Darat Malaysia akan menganjurkan acara Malaysian Army International Tattoo 2011 bertempat di Padang Kawad, Pusat Latihan Asas Tentera Darat(PUSASDA), Port Dickson Negeri Sembilan pada 16 sehingga 18 Disember 2011 jam 8.30 malam sehingga 10.30 malam selama tiga malam berturut-turut sempena dengan pengisytiharan Port Dickson sebagai Bandar Tentera Darat.

TATTOO TD merupakan pertunjukan aset muzikal yang melibatkan persembahan gabungan pancaragam dari Tentera Darat Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PRDM) dan Tentera Darat Negara ASEAN (Brunei dan Thailand) serta pertunjukan kepakaran seperti Tempur Tanpa Senjata (TTS), Kawad Senyap TLDM, Gimnasik TUDM dan Aksi Wira Merah dari Kor Polis Tentera DiRaja(KPTD).

Sempena dengan acara pertunjukan TATTOO TD juga turut diadakan ialah acara pameran aset dan kerjaya Tentera Darat bertempat di Pantai Cahaya Negeri, Batu 4, Port Dickson pada setiap hari dari 16 sehingga 18 Disember 2011 bermula jam 9.00 pagi sehingga 6 .00 petang. Manakala acara Army International Run akan berlangsung pada 17 Disember 2011 yang terbuka kepada penyertaan umum.

Orang ramai dijemput untuk menyaksikan persembahan TATTOO dan juga mengunjungi Pameran Aset dan Kerjaya TD seperti yang dinyatakan di atas. Bagi syarat dan borang penyertaan *Malaysian Army International Run*, orang ramai boleh melayari laman sesawang army.mod.gov.my atau emailkan kepada latih_10bgd@yahoo.com atau talian 013 620 5722, 010 225 0872, 06 331 8525.

Untuk maklumat dan keterangan lanjut berkaitan TATTOO TD 2011 sila hubungi Pegawai Perhubungan Raya Tentera Darat, Leftenan Kolonel Fazilah binti Hj Mohd Ali di talian 019 236 8495 atau Leftenan Siti Aishah Noor di talian 017 924 3102.

'TRANSFORMASI MELALUI INOVASI'

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MINDEF
KUALA LUMPUR
11 DISEMBER 2011 (Dikeluarkan jam 10.00 pagi)



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 (09/12)

**LAWATAN RASMI MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA KE
BEIJING, CHINA**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan kenyataan berikut:

BEIJING, CHINA - YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Pertahanan telah mengadakan lawatan rasmi ke Beijing, China dari 18 hingga 21 Disember 2011. Lawatan ini merupakan lawatan rasmi pertama beliau sebagai Menteri Pertahanan ke negara tersebut.

YB Menteri Pertahanan telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Pertahanan Nasional China Jeneral Liang Guanglie dan membincangkan isu-isu geopolitik semasa termasuklah isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan. Selain itu juga kedua-dua pihak bersetuju untuk merealisasikan kerjasama di dalam sektor industri pertahanan.

YB Menteri Pertahanan juga mengadakan kunjungan hormat ke atas Jeneral Guo Boxiong, Naib Pengerusi Jawatankuasa Pusat Tentera Parti Komunis China. Susulan lawatan ini beserta rombongan telah dibawa melawat ke beberapa buah syarikat industri pertahanan utama di Republik Rakyat China. Syarikat-syarikat tersebut telah menyatakan kesediaan untuk mengambil bahagian di dalam pameran pertahanan DSA 2012 di Kuala Lumpur.

Lawatan ini telah berjaya meningkatkan lagi hubungan kerjasama pertahanan serta diplomasi ketenteraan di antara kedua-dua belah pihak selain bersetuju untuk mewujudkan kumpulan kerja bagi membincangkan bentuk kerjasama yang boleh diterokai secara lebih terperinci.

Selain itu, beliau turut berkesempatan bertemu dan beramah mesra dengan pelajar-pelajar Malaysia serta kakitangan Kedutaan Malaysia di Beijing.

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MINDEF

KUALA LUMPUR

22 DISEMBER 2011 (Dikeluarkan jam 7.45 pagi)



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004(11/12)

**PENGANUGERAHAN DARJAH KEPAHLAWANAN ANGKATAN TENTERA (DKAT)
KELAS PERTAMA DENGAN ANUGERAH PANGLIMA GAGAH ANGKATAN
TENTERA (PGAT) KEHORMAT KEPADA PANGLIMA TENTERA NASIONAL
INDONESIA, LAKSAMANA AGUS SUHARTONO**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan mengeluarkan kenyataan berikut:

Panglima Tentera Nasional Indonesia, Laksamana Agus Suhartono telah dianugerahi dengan Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera (DKAT) Kelas Pertama Dengan Anugerah Panglima Gagah Angkatan Tentera (PGAT) Kehormat yang telah diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong selaku Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia pada 16 Sep 2011.

Penganugerahan ini adalah sebagai menghargai jasa dan sumbangan Laksamana Agus Suhartono ke arah mempertingkatkan persefahaman dan kerjasama antara kedua-dua buah negara dan Angkatan Tentera amnya.

Upacara bersejarah ini turut disaksikan oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin, pegawai-pegawai kanan tentera Kementerian Pertahanan serta delegasi Indonesia yang turut mengiringi Panglima Tentera Nasional Indonesia.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Pengarah Media kepada Menteri Pertahanan, Kol Fadzlette Othman Merican binti Idris Merican di talian 019-3577715 atau Mej Haslinda binti Rahim di talian 012-3032207. Disertakan bersama biodata Panglima Tentera Nasional Indonesia, Laksamana Agus Suhartono.

'TRANSFORMASI MELALUI INOVASI'

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MINDEF

KUALA LUMPUR

27HB DISEMBER 2011 (Dikeluarkan jam 10.00 pagi)